



**JOURNAL OF INFORMATION  
SYSTEM AND TECHNOLOGY  
MANAGEMENT  
(JISTM)**

[www.jistm.com](http://www.jistm.com)



**PENAWARAN KURSUS KENEGARAAN MALAYSIA DARI  
PERSPEKTIF PELANTAR ANAK WATAN: KESEDARAN  
KOLEKTIF DALAM PEMBANGUNAN KURIKULUM  
UNIVERSITI**

*OFFERING MALAYSIAN CITIZENSHIP COURSES FROM A NATIVE  
PERSPECTIVE: UNIVERSITY CURRICULUM DEVELOPMENT WITH A  
COLLECTIVE MINDSET*

Mohd Sohaimi Esa<sup>1</sup>, Irma Wani Othman<sup>2\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>3\*</sup>, Anna Lynn Abu Bakar<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Centre of The Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>2</sup> Centre of The Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: irma@ums.edu.my

<sup>3</sup> Centre of The Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>4</sup> Centre of The Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: annalynn@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 11.09.2021

Revised date: 10.10.2021

Accepted date: 15.11.2021

Published date: 30.11.2021

**To cite this document:**

Esa, M. S., Othman, I. W., Mokhtar, S. & Abu Bakar, A. L. (2021). Penawaran Kursus Kenegaraan Malaysia Dari Perspektif Pelantar Anak Watan: Kesedaran Kolektif Dalam Pembangunan Kurikulum Universiti. *Journal of Information*

**Abstrak:**

Penawaran kursus kenegaraan Malaysia ghalibnya dikaitkan dengan kursus teras atau wajib yang diperkenalkan sama ada di peringkat sijil, diploma atau ijazah pertama. Kursus ini diperkenalkan bagi memastikan agar warga pelajar dapat dipupuk nilai patriotisme dan nasionalisme dengan harapan menjadi warganegara yang baik lagi bertanggungjawab kepada ibu pertiwi. Penawaran kursus tersebut dilakukan untuk memastikan bahawa terdapatnya kesinambungan subjek sejarah yang dipelajari di alam persekolahan dengan di peringkat pengajian tinggi. Justeru, kertas kerja ini membincangkan penawaran kursus kenegaraan dalam konteks Pelantar Anak Watan. Konsep Pelantar Anak Watan diketengahkan atas kesedaran bahawa tunjang yang memayungi negara ini adalah orang Melayu dan bumiputera seperti mana yang termaktub dalam perlumbagaan Malaysia. Metodologi kajian dilakukan berdasarkan kaedah kualitatif, yakni analisis dokumentasi berdasarkan sumber, di samping pemerhatian dan pengalaman penulis dalam pengajaran kursus kenegaraan

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

*System and Technology Management*,  
6 (23), 47-62.

DOI: 10.35631/JISTM.623004

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa dalam pembangunan kurikulum kursus kenegaraan perlu diberikan keutamaan elemen yang terdapat dalam konsep pelantar anak watan agar setiap pelajar dapat menghayatinya bagi memastikan kelestarian negara bangsa Malaysia yang aman dan sejahtera.

**Kata Kunci:**

Kursus Kenegaraan, Pelantar Anak Wayan; Pembangunan Kurikulum, Kesedaran Kolektif

**Abstract:**

Malaysian Nationhood courses are offered in conjunction with core or mandatory courses offered at the certificate, diploma, or first-degree level. This course was created to instill in students the values of patriotism and nationalism in the hope that they will grow into responsible citizens and stewards of the motherland. The course is offered to ensure that history subjects studied in school continue to be studied at the tertiary level. Thus, this article discusses the Malaysian Nationhood courses offered through the Anak Watan Platform. The Anak Watan Platform concept was based on the recognition that the Malays and Bumiputeras are the country's backbone, as enshrined in the Malaysian constitution. The methodology of the research is qualitative, relying on source-based documentation analysis, as well as the author's observations and experience teaching the nationhood course. The study's findings indicate that when developing the nationhood course curriculum, priority should be given to the elements found in the Anak Watan Platform concept to ensure that every student understands its importance in ensuring the sustainability of a peaceful and prosperous Malaysian nation.

**Keywords:**

Nationhood Course, Anak Watan Platform; Curriculum Development, Collective Awareness

## Pendahuluan

Kursus kenegaraan Malaysia sememangnya tidak asing lagi dengan pelajar-pelajar di peringkat pengajian tinggi negara sama ada awam mahupun swasta. Kursus ini boleh dianggap sebagai kesinambungan daripada subjek sejarah yang dipelajari di peringkat sekolah. Penawaran kursus kenegaraan ini ghalibnya dikaitkan dengan kursus teras atau wajib yang diperkenalkan sama ada di peringkat sijil, diploma atau ijazah sarjana muda (Abu Samah, A. & Jawan, 1997). Kursus ini diperkenalkan bagi memastikan agar warga pelajar dapat dipupuk nilai patriotisme dan nasionalisme dengan harapan menjadi warganegara yang baik lagi bertanggungjawab kepada ibu pertiwi (Esa, Sansalu & Mohd. Tamring, 2011; Othman, 2019a). Justeru, objektif kertas kerja ini adalah untuk membincangkan penawaran kursus kenegaraan dalam konteks Pelantar Anak Watan. Konsep Pelantar Anak Watan diketengahkan atas kesedaran bahawa orang Melayu di Semenanjung Malaysia, serta bumiputera Sabah dan Sarawak sebagai teras dalam pembinaan negara bangsa Malaysia. Hal ini selari dengan isi kandungan yang tersurat mahupun tersirat dalam perlombagaan Malaysia dan Rukun Negara. Persoalannya, sejauhmanakah pembangunan kurikulum kursus kenegaraan yang dilaksanakan telah memberikan keutamaan dalam mengetengahkan elemen yang terkandung dalam konsep Pelantar Anak Watan? Walhal konsep ini perlu diberikan penjelasan dan bimbingan agar warga pelajar dapat menghayati akan kepentingannya sebagai teras dalam membina bangsa idaman,

bangsa Malaysia. Sebelum membincangkan lebih lanjut konsep Pelantar Anak Watan, maka diuraikan terlebih dahulu berkaitan dengan metodologi kajian.

### Latar Belakang Kajian

Konsep Pelantar Anak Watan diketengahkan atas kesedaran bahawa tunjang yang memayungi negara ini adalah orang Melayu dan bumiputera seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Undang-undang tinggi Malaysia dikenali sebagai Perlembagaan Malaysia. Undang-undang tersebut dipengaruhi daripada peristiwa-peristiwa lepas yang telah berlaku sekitar tahun 600 tahun yang lalu. Sistem perundangan Malaysia kini adalah impak daripada penjajahan kuasa asing, iaitu Britain yang telah menjajah kawasan Tanah Melayu, Sarawak dan Borneo Utara pada awal 1800-an hingga 1906-an. Berdasarkan Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan iaitu undang-undang merujuk kepada undang-undang yang bertulis dan Common Law yang berkuatkuasa sepenuhnya dalam persekutuan. Dalam Perlembagaan Malaysia memfokuskan kepada rangka perundangan yang digubal dan juga hak rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Selain itu, Perlembagaan Malaysia berkuasa terhadap penyediaan rangka perundangan, mahkamah serta hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran undang-undang negara. Parlimen Malaysia pula bertanggungjawab menggubal undang-undang persekutuan. Undang-undang yang digubal tersebut merangkumi hal ehwal seluruh negara. Manakala Dewan Undangan Negeri (DUN) turut bertanggungjawab beberapa undang-undang negeri mengikut negeri masing-masing. Sistem perundangan di Malaysia turut terdiri daripada perlembagaan persekutuan, perlembagaan negeri, statut, perundangan kecil, undang-undang adat, undang-undang Islam, undang-undang lazim, doktrin duluan kehakiman.

Sayugia perpaduan dan integrasi nasional menjadi tunggak keamanan, kesejahteraan serta keharmonian dalam sebuah negara demokrasi. Demi menjaga maruah bangsa berdaulat dan sahsiah agama, maka iltizam teradun menjinjing bersama peranan rakyat dalam melestarikan kebertanggungjawaban nasionalisme dan patriotisme sebagai tunggak solidariti negara. Institusi Raja-Raja Melayu merupakan satu institusi tradisional yang muncul sejak awal kurun ke-11 di Malaysia sebagai teras sistem pemerintah dan pentadbiran kerajaan Melayu. Institusi Raja-Raja Melayu tersohor dari kelangsungan peristiwa sejarah dan warisan terdahulu yang telah memberi impak positif terhadap kestabilan senarion ekonomi, politik dan sosial bagi sekian lamanya. Selain itu, kedaulatan Raja tetap dipertahankan dengan wujudnya pelbagai peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) iaitu Raja sebagai ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri dan juga negeri Sabah, Melaka, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Dirgahayu baginda bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara keistimewaan bumiputera Sabah dan Sarawak, orang Melayu dan kepentingan kaum. Kesedaran rakyat terhadap institusi Raja ini bersifat kritikal bagi menyedarkan masyarakat bahawa peranan institusi Raja ini bukan sahaja tertakluk pada adat istiadat dan agama, malahan berdikari gagah dalam mengekalkan keharmonian dan keadilan di negara ini (Razak, 2009).

Sementelaah umum mengetahui bahawa, rakyat Malaysia kaya dengan pelbagai kaum, etnik dan agama yang telah menjadi keunikan bagi negara Malaysia. Namun, kepelbagaian kaum dan agama ini turut mengundang masalah sama ada dari segi kesalahfahaman antara kaum, memanipulasi fakta dan bukti sejarah mengenai asal-usul sesuatu bangsa, membuat provokasi dan memperlekeh sesuatu kaum, menghina serta mengganggu amalan penganut sesuatu agama, mencipta dan menyebar berita palsu juga menyumbang kepada masalah dalam kepelbagaian kaum dan agama di Malaysia. Dari perspektif perundangan Akta Hasutan 1948 terbentuk bagi

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**  
melindungi dan memelihara perpaduan kaum di Malaysia. Akta ini digubal bagi menangani sifat perkauman (*racism*) dan kebencian perkauman (*racial hatred*), lantas bertujuan membanteras kegiatan-kegiatan tersebut dalam kalangan rakyat Malaysia (Aziz, B. (2008)).

Antara akta-akta yang menyentuh tentang isu perkauman di Malaysia boleh terjumah kepada suatu kesalahan yang diperuntukkan di bawah beberapa undang-undang seperti berikut:

1. Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15 iaitu kesalahan menghasut];
2. Seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574 iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan];
3. Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
4. Seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
5. Seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 [Akta 5] iaitu kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan.

Ironinya Rukun Negara dibentuk berikutan Peristiwa 13 Mei 1969 yang digemburkan oleh anasir subversif sebagai titik perpecahan yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Berdiri teguh sebagai masyarakat kolektif yang cinta kepada negara, kita harus mengelakkan semangat perkauman dari akar umbi, justeru mengelakkan implikasi negatif terhadap keharmonian dan keamanan dalam proses pembangunan negara. Rentetan peristiwa berdarah 13 Mei 1969 menyaksikan sejarah ikonik Rukun Negara diumumkan pada 31 Ogos 1970 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong IV. Bertitiktolak dari rasional tersebut Rukun Negara dibentuk dengan justifikasi asas untuk merangka solidariti kenegaraan yang kukuh. Piawaian terkandung dalam Rukun Negara jelas memperhalusi dua objektif utama dalam membentuk sebuah masyarakat negara bangsa Malaysia. Unjuran Bahagian Pertama merangkumi elemen (i) Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat, (ii) Memelihara satu cara hidup demokratik, (iii) Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara saksama, (iv) Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak, dan (v) Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden. Sementalaah Bahagian Kedua meletakkan lima prinsip Rukun Negara seperti (i) Kepercayaan Kepada Tuhan, (ii) Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, (iii) Keluhuran Perlembagaan, (iv) Kedaulatan Undang-undang, dan (v) Kesopanan dan Kesusilaan sebagai akur janji setiap rakyat Malaysia kepada negara tercinta.

Kala mana kebimbangan sejarah Peristiwa 13 Mei berulang lantas mengikis perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat, maka konsep Pelantar Anak Watan harus difahami dalam konteks pemikiran hari ini sebagai memberi iktibar kepada rakyat Malaysia agar mengelakkan daripada berlakunya pertumpahan darah dalam kalangan masyarakat yang berpunca dari kepelbagai monopoli politik negara. Secara konseptual Pelantar Anak Watan dipelopori oleh penulis bagi mengkaji marginalisasi fokal pertembungan yang meletakkan titik persamaan antara orang Melayu Semenanjung Malaysia dengan bumiputera Sabah dan Sarawak. Elemen persamaan menjadi vital bagi menggarap jurang perbezaan antara dua dominan masyarakat berkenaan iaitu sama ada dari segi politik, ekonomi maupun sosial (Othman, Yusoff, Jupiter & Mokhtar, 2021c). Mereka sebagai anak watan memiliki sejarah

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

peradaban yang sama yang seharusnya menjadi payung kepada pembinaan negara bangsa. Kesalahfahaman antara budaya, adat resam antara kaum lain sinonim dengan Malaysia terkenal dengan kepelbagaian kaum, etnik dan agama (Badaruddin, Azman Ayob dan Mazlan Che Soh, 2010). Kepelbagaian hubungan kaum dan agama ini seterusnya mampu menimbulkan kesalahfahaman antara budaya dan adat resam antara kaum. Majoriti lebih selesa dalam kelompok atau dalam lingkungan kaum tersendiri. Sebagai contoh di Semenanjung Malaysia, kaum Melayu akan tinggal dalam kelompok mereka sendiri, kaum Cina juga dikelompok mereka sendiri dan kaum India juga begitu. Manakala etnisiti di Sabah dan Sarawak meletakkan status kependudukan antara justifikasi diberikan terhadap kesukaran untuk mendapatkan kawasan-kawasan kediaman yang mendiami ramai bangsa, kaum dan agama di dalam kelompok tersebut.

Selain itu, amalan yang berbeza-beza dari segi budaya dalam setiap kaum negara Malaysia dikatakan impak perpecahan menyumbang kepada dilema ini. Sifat etnosentrisme dalam diri masyarakat harus dibendung bagi memperkuuhkan hubungan kaum dan agama. Pemilikan sikap etnosentrisme secara kolektif mencetus konflik ketidakpercayaan lantas menimbulkan pergaduhan antara kaum khususnya isu agama dan kepercayaan sesuatu kaum (Sinar Harian, 2018). Peristiwa 8 Mac 2001 yang melibatkan pergaduhan antara kaum Melayu dan Hindu bermula dari majlis perkahwinan masyarakat Melayu dan majlis kematian penganut Hindu berlaku di kawasan berdekatan yang mencetuskan pertembungan dua nilai budaya berbeza. Etnosentrisme ini lebih memperlihatkan keengganan atau ketidakmampuan satu-satu kaum itu untuk mengiktiraf atau menghargai kebudayaan masyarakat atau kaum (Chew Peh. T., 1979). Menurut Baron & Byrne (2004) sikap stereotaip dan prasangka membawa pemikiran prejedis dizahirkan melalui kenyataan atau gambaran umum, biasanya secara berlebih-lebihan, tentang sesuatu kumpulan kaum oleh kumpulan kaum yang lain. Prasangka negatif menzahirkan pandangan streotaip terhadap sesuatu kaum mampu mengundang perpecahan antara kaum kerana melalui tanggapan buruk bertindak sekaligus melampias suatu tanggapan yang bukan bersifat fakta benar tentang sesebuah kaum berkenaan (Pue Giok Hun & Charanjit Kaur, 2014). Sebagai contoh, kaum tertentu seringkali dikaitkan dan dilabelkan dengan sifat malas bekerja, atau tamak mengaut keuntungan mahupun bersikap tidak amanah. Ini membakar perasaan tidak senang atau membina kebencian serta saling tidak mempercayai antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Melalui prasangka buruk serta persepsi sterotaip yang tidak berasas ini yang akhirnya mengundang masalah dalam memperkuuhkan hubungan kaum dan agama.

Elemen sosialisasi dari segi sistem pembahagian sekolah merujuk suatu proses sosial yang dilalui oleh seseorang individu dalam usaha untuk menjadi ahli sesuatu kelompok kaum dengan mempelajari budaya dan adat resam kelompok kaum itu, serta peranannya dalam kelompok kaum tersebut (Badaruddin, Azman Ayob dan Mazlan Che Soh, 2010). Proses sosialisasi vital dalam membentuk keperibadian individu khususnya dalam memperkuuhkan hubungan kaum dan agama melalui agen-agen sosialisasi seperti, ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, peranan pendidikan dan sebagainya. Proses sosialisasi terhadap kanak-kanak tersebut menjadi terhad dan tidak mengenali kaum lain dengan lebih terperinci selain melalui pembelajaran. Sewaktu zaman penjajahan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat merupakan satu perkara yang kurang penting. Proses pembelajaran hanya berlaku dalam kelompok ahli keluarga sahaja yang lebih menekankan kepada adat istiadat, teladan dan budaya kaum masing-masing. Semasa berlakunya zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu dan kemasukan imigran Cina serta India barulah pendidikan menjadi satu hal wajib untuk setiap masyarakat. Sebelum

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

kemerdekaan, penjajah Inggeris mengamalkan dasar pecah dan perintah di mana struktur rakyat adalah berdasarkan kelas dan sosioekonomi kaum. Misalnya, kaum Melayu biasanya berada di kawasan pedalaman berdasarkan sosiekonomi kepada pertanian, manakala kaum India berada di kawasan ladang kelapa sawit. Sistem pendidikan yang wujud ketika itu ialah sekolah vernakular iaitu sekolah yang mengasingkan setiap kaum yang terdapat di Tanah Melayu. Sekolah Inggeris biasanya terletak di kawasan bandar dan segala keperluan sekolah tersebut adalah jauh lebih berkualiti di mana dikhurasukan untuk anak-anak golongan kelas pertama. Perkembangan sistem pendidikan dapat dilihat melalui pembentukan Akta Pelajaran 1951. Dalam Rancangan Malaysia Pertama bermula tahun 1966, kepentingan ekonomi dan sosial negara membawa kepada penubuhan sekolah teknik dan vokasional serta kewujudan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Selain itu, Dasar Ekonomi Baharu juga menekankan tentang sukan pelajaran dan latihan berdasarkan keadaan situasi semasa. Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan sistem pendidikan negara sentiasa berkembang dan relevan mengikut keadaan semasa.

Kesinambungan dari itu, kurang penglibatan aktiviti kokurikulum dalam kalangan pelajar turut memberi masalah dalam memperkuuhkan hubungan kaum dan agama. Partisipasi aktiviti kokurikulum dari libatsama pelbagai etnik, agama dan bangsa menjadi kunci mengeratkan silaturahim. Undang-undang Malaysia memberi kewajipan kepada para pelajar untuk melibatkan diri dalam kokurikulum seperti dalam Seksyen 135 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Setiap sekolah diwajibkan untuk mengadakan kokurikulum adalah bagi para pelajar dan jika terdapat kegagalan mahupun keengganan dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum sekolah dianggap sebagai kesalahan yang berat. Pihak pentadbiran sekolah boleh disabitkan bersalah serta dijatuhkan hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali di bawah penalti am seperti yang tertakluk dalam (Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai PU(A) 531/97. Selain itu, pelaksanaan oleh sekolah dalam menjayakan aktiviti kokurikulum, para pelajar juga diwajibkan dalam mengikuti dan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Penekanan dalam penglibatan pelajar dalam kokurikulum adalah kritikal agar memperkuuhkan hubungan kaum dan agama dalam kalangan pelajar. Secara rasional dari aspek ilmu pengetahuan pendisiplinan diri, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan bagi membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani dan rohani, menyumbang kepada kesihatan mental serta emosi bagi menanam dan mempertingkatkan nilai moral dan penjana pemahaman terhadap ilmu kenegaraan.

### **Metodologi dan Kajian Literatur**

Dalam konteks metodologi, pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan berasaskan analisis dokumentasi berasaskan sumber primer dan sekunder. Kaedah perbincangan pula dibuat secara deskriptif naratif dan deskriptif analitikal dengan menganalisis teks ataupun dokumen (Sugiyono, 2009). Pendekatan ini biasanya dianggap sebagai rekabentuk yang popular dalam bidang sains sosial apabila sering kali dikaitkan dengan disiplin sejarah, etnografi dan sosiologi (Ationg, Esa, Ibrahim & Abdul Muis, 2020; Ationg, 2018; Chua, 2011; Neuman, 2006; Hamzah, 2004; Reichardt & Cook, 1979). Seperkara lagi, apabila membincangkan kursus kenegaraan, maka tidak dapat dipisahkan dengan metodologi dalam kajian sejarah. Dalam kajian sejarah, sumber primer penting untuk membolehkan fakta dijelaskan berdasarkan peristiwa seperti sebenarnya berlaku sebagaimana ditegaskan oleh Bapa

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

Persejarahan Moden, Leopold Von Ranke (Kreiger, 1977). Langkah ini menjadikan disiplin sejarah sebagai suatu bentuk kajian yang bersifat sainstifik dan objektif (Carr, 1962; Collingwood, 1993). Sungguhpun dari apek sejarah, peristiwa yang berlaku menjadi keutamaan perbincangan, tetapi ia masih boleh diterjemahkan dalam konteks pembangunan kurikulum dalam bidang pendidikan, termasuklah kursus kenegaraan di peringkat pengajian tinggi.

Dalam konteks pembangunan kurikulum, kursus kenegaraan yang dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dijadikan teras perbincangan untuk melihat elemen yang boleh dikaitkan dengan konsep Pelantara Anak Watan. UMS sepertimana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain terdapat banyak persamaan dalam penawaran kursus kenegaraan, iaitu selari dengan arahan dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Malaysian Qualification Agency (MQA)/Agensi Kelayakan Malaysia. Justeru, dalam membincangkan kurikulum kursus ini, maka sumber primer digunakan termasuklah bahan bercetak dan digital yang dikeluarkan oleh Jabatan Akademik, UMS, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), serta Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST). Antara bahan terpenting dirujuk termasuklah *Struktur Kursus Pengajian Prasiswazah UMS* dan *Prospektus Prasiswazah UMS* yang diterbitkan secara bercetak dan terkini secara digital setiap sesi pengajian. Begitu juga, penerbitan yang dihasilkan di peringkat Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia seperti *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (2006), *Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU)*, Edisi Kedua. (2016) dan *Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices- HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum* (2019).

Sementara sumber sekunder pula digunakan dalam kajian ini seperti buku, artikel dalam jurnal dan akhbar yang menyentuh secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan kursus kenegaraan tersebut. Daripada kedua-dua jenis sumber ini, maka pengkaji akan dapat menjelaskan secara lebih komprehensif selari dengan kaedah *review* sumber agar dapat memenuhi nilai yang dikatakan bersifat objektif dan sainstifik (Esa, Othman, Ationg, Ibrahim, Sharif Adam, Hamid, & Hajimin, 2021b) Selain itu, kaedah pemerhatian dan pengalaman penulis yang menjadi tenaga pengajar kursus kenegaraan tersebut lebih 20 tahun turut membantu dalam menghasilkan penulisan ini.

Dari segi kajian literatur, terdapat beberapa kajian tentang kursus kenegaraan, terutamanya di peringkat prasiswazah. Kajian tentang kursus kenegaraan sememangnya mendapat tempat dengan mempunyai pelbagai tema dan melibatkan pelbagai institusi pengajian tinggi sama ada awam mahupun swasta. Antara yang menarik untuk diketengahkan termasuklah kajian yang pernah dilakukan di UMS yang boleh mencerminkan juga di IPT lain di Malaysia. Sebagai contoh, Esa, Abang Muis, Ationg, Othman, Lukin@Lokin, Mokhtar & Sharif Adam (2021a) membincangkan tentang evolusi teras universiti yang memberikan perhatian kepada beberapa subjek kenegaraan yang diperkenalkan di UMS sejak ditubuhkan sehingga kini iaitu Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (SPBM), Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia (SPNM), Hubungan Etnik (HE), serta Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP). Seterusnya, terdapat beberapa kajian berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran antaranya termasuklah ketika keadaan norma baharu apabila berlaku pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Esa, et al., 2021a; Othman, 2021b). Sementara, kajian oleh Saifulazry, Mohd Kamal, Habibah, Irma, Romzi, Mohd. Sohaimi dan Syamsul (2021) memfokuskan kepada rekayasa dakwah KBAT dalam kalangan mahasiswa menerusi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

Sungguhpun begitu, terdapat keperluan kajian yang dilihat dari sudut yang berbeza, yakni menyentuh pembangunan kurikulum yang perlu diteliti dari perspektif Pelantar Anak Watan agar kursus kenegaraan terus relevan dengan kehendak semasa.

### **Konsep Pelantar Anak Watan**

Pelantar Anak Watan merupakan suatu konsep baharu diperkenalkan oleh penulis untuk melihat titik persamaan antara orang Melayu Semenanjung Malaysia dengan bumiputera Sabah dan Sarawak. Hal ini penting dengan matlamat untuk merungkai jurang perbezaan antara mereka sama ada dari segi politik, ekonomi mahupun sosial (Othman, Yusoff, Jupiter & Mokhtar, 2021c). Mereka sebagai anak watan memiliki sejarah peradaban yang sama yang seharusnya menjadi payung kepada pembinaan negara bangsa. Usaha ini juga perlu bagi memupuk integrasi, sungguhpun mereka dipisahkan dari segi geo fizikal dan wilayah, yakni Laut China Selatan. Elemen konsep Pelantar Anak Watan boleh dilihat dari segi tiga dimensi iaitu Alam Melayu, peradaban anak watan dan kearifan lokal.

**Rajah 1:**  
**Konsep Pelantar Anak Watan (PAW)**



### **Alam Melayu**

Elemen yang penting dalam konsep Pelantar Anak Watan adalah istilah pelantar. Pelantar itu merujuk kepada tempat, lokasi dan wilayah. Justeru, pelantar dalam konsep ini dirujuk kepada Alam Melayu yang menjadi unsur penting persamaan bagi penduduk Melayu Semenanjung, serta bumiputera Sabah dan Sarawak. Mereka adalah anak watan yang tinggal dan hidup di wilayah Alam Melayu.

Apabila membincangkan penduduk asal atau peribumi Semenanjung Malaysia (atau dikenali sebagai Tanah Melayu), Sabah dan Sarawak tidak dapat dipisahkan dari segi sejarah dan tradisinya dengan Alam Melayu. Alam Melayu ini dikenali juga sebagai Nusantara atau Gugusan Kepulauan Melayu. Flaura dan fauna di Alam Melayu dengan iklim Khatulistiwa, serta keadaan fizikal yang bersifat kepulauan menjadikan terdapat banyak persamaan sosio budaya kehidupan penduduk peribumi di rantau ini. Keadaan geo fizikal yang bersifat kepulauan ini juga mendorong kepada wujudnya ketamadunan kerajaan maritim di Alam Melayu sebelum era kolonial. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya beberapa kerajaan maritim

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

di Tanah Melayu, dan kemuncaknya ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka. Sementara Kesultanan Melayu Brunei dan Kesultanan Melayu Sulu untuk wilayah Sabah dan Sarawak. Setiap kerajaan maritim itu mempunyai empayar sendiri sebagai wilayah jajahan kekuasaan masing-masing (Andaya & Andaya, 1982; Mohd Jalil, Redzuan, Abu Samah & Mohd Rashid, 2004). Elemen pelantar ini memungkinkan sejarah, serta etos tradisi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak terdapat banyak persamaan dalam kalangan penduduk peribuminya yang digelar sebagai anak watan.

### ***Peradaban Anak Watan***

Peradaban atau ‘civilization’ merupakan salah satu elemen penting dalam konsep Pelantar Anak Watan. Peradaban anak watan adalah juga sebenarnya tamadun Melayu sama seperti statusnya dengan tamadun Cina dan India, mahupun tamadun Islam. Peradaban ini dirujuk kepada kebudayaan dengan memiliki tahap kemajuan yang tinggi (Kamus Dewan, 2004; Gunsu Normansyah et al, 2012; Toynbee, 1965). Pada hakikatnya, sejarah telah membuktikan bahawa peradaban rantau ini telah menonjolkan kedudukan dan citra anak watan sama ada untuk Melayu Semenanjung, mahupun bumiputera Sabah dan Sarawak. Peradaban mereka juga dapat dikaitkan dengan wujudnya adab, adat resam dan adat istiadat yang telah tersulam dalam kehidupan peradaban bangsa Melayu tersebut. Secara ringkasnya, peradaban ini diterjemahkan dengan wujudnya beberapa kerajaan tradisi sejak zaman Hindu Buddha seperti Kedah Tua, Majapahit dan Sriwijaya. Setelah itu, kedatangan Islam telah melahirkan pengaruh yang tersendiri dalam peradaban Melayu dengan wujudnya beberapa kerajaan maritim seperti Kesultanan Melayu Melaka, Kesultanan Melayu Brunei dan Kesultanan Melayu Sulu. Pentadbiran dan pemerintahan tradisional Melayu pula berasaskan carta piramid diketuai oleh sultan atau raja, pembesar dan rakyat. Bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca antara faktor pelengkap kepada pembinaan peradaban anak watan negara ini. Warisan peradaban yang terbina ini kemudiannya diterjemahkan dalam perlumbagaan Malaysia dan Rukun Negara (Nordin M. & Hussin, H., 2014). Natijahnya, Melayu Semenanjung, serta bumiputera Sabah dan Sarawak memiliki warisan sejarah tradisi yang sama berdasarkan etos peradaban Melayu tersebut.

### ***Kearifan Lokal***

Kearifan lokal atau kearifan tempatan (*local wisdom*) menjadi satu lagi elemen dalam memahami konsep Pelantar Anak Watan. Mengikut Kamus Dwibahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (2001), local bermaksud tempat tertentu, khususnya tempat sendiri atau tempatan. Sementara ‘wisdom’ pula merujuk kepada kebijaksanaan atau keupayaan membuat penilaian yang baik dan matang lagi bijaksana. Pendek kata, kearifan lokal boleh ditakrifkan sebagai sebahagian budaya suatu masyarakat yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat itu sendiri. Ia biasanya diwarisi turun temurun dari satu generasi ke satu generasi sebagai suatu pengetahuan yang diketemukan dalam masyarakat dengan memiliki identiti atau keperibadian budaya sesebuah bangsa. Warisan ini mampu menjadi ciri khas etika dan budaya sesuatu masyarakat yang unik, mempunyai hubungan yang rapat dengan alam dan melalui sejarah yang panjang, beradaptasi dengan sistem ekologi setempat, bersifat dinamis dan selalu terbuka dengan pengetahuan baru (Rohana Sufia, Sumarmi dan Amirudin, 2016; Abdul Mukti, 2010:2). Antara lainnya dikaitkan seperti cerita rakyat, peribahasa, lagu dan permainan rakyat. Dalam konteks Melayu Semenanjung, serta bumiputera Sabah dan Sarawak didapati terdapat banyak persamaan selari dengan warisan yang dimiliki oleh rumpun Melayu di rantau ini. Pada hakikatnya, kearifan lokal bukan sahaja menjadi tunjang identiti kaum atau negeri, tetapi juga

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

negara apabila dicermin atas identiti bangsa sepetimana yang terdapat dalam simbol negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan beberapa perkara yang termaktub dalam perlombagaan Malaysia (Othman, Ationg, Esa, Hajimin & Abang Muis, 2021d).

Sesungguhnya, ketiga-tiga elemen yang dibincangkan tersebut menjadi nadi kepada konsep Pelantar Anak Watan. Konsep Pelantar Anak Watan perlu diketengahkan sebagai kerangka ilmu untuk memahami masyarakat peribumi tempatan yang terdiri daripada Melayu Semenanjung, serta bumiputera Sabah dan Sarawak. Mereka adalah anak watan negara ini yang memiliki sejarah, tamadun dan kearifan lokal dengan terdapat banyak persamaan sungguhpun dipisahkan oleh Laut Cina Selatan. Mereka menjadi payung kepada pembinaan bangsa Malaysia yang menjadi idaman selama ini. Hal ini penting dalam usaha memupuk integrasi, khususnya dari segi wilayah yang seharusnya menjadi keutamaan dalam pembangunan kurikulum kursus kenegaraan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

**Kesedaran Kolektif dalam Pembangunan Kurikulum untuk Kursus Kenegaraan dari Perspektif Pelantar Anak Watan**

Pembangunan kurikulum kursus kenegaraan di IPT telah berkembang secara dinamik sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa. Sehingga kini terdapat beberapa kursus diperkenalkan antaranya termasuklah Pengajian Malaysia, serta Hubungan Etnik yang kemudiannya digantikan dengan Penghayatan Etika dan Peradaban. Pada dasarnya, penawaran ketiga-tiga kursus itu diletakkan di bawah kluster kenegaraan Malaysia sepetimana yang terkandung dalam, *Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU)*. Garis panduan ini mula diperkenalkan pada September 2013 di peringkat IPT di Malaysia. Mata Pelajaran Umum (MPU) diperkenalkan dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti modal insan pelajar sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) (*Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU)*, 2016). Sebelum itu, kursus ini dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW) (*Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*, 2006).

Menurut Zainal Kling (1985), subjek kenegaraan adalah untuk melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab. Warganegara yang baik mempunyai tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Dengan itu, MPU menerusi kursus yang ditawarkan diharap dapat melahirkan graduan yang holistik dan mempunyai nilai-nilai murni, serta jati diri beracuan Malaysia (Daud, M.Z., 2005; Mohd Rasdi, 2021; Othman, Yusoff, Awang & Jupiter, 2016a). Justeru itu, MPU diwajibkan bukan sahaja di peringkat IPTA, tetapi juga IPTS sepetimana yang terdapat dalam Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) juga mewajibkan semua pelajar di IPT sama ada pelajar tempatan ataupun antarabangsa perlu melengkapkan MPU sebagai prasyarat bagi penganugerahan sijil, diploma atau ijazah sarjana muda (Ng & Harahap, 2017; Irma Wani, 2019a; Irma Wani et al., 2021). Jelaslah, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil perhatian yang sewajarnya dalam memartabatkan kursus kenegaraan di IPT. Walau bagaimanapun, timbul persoalan sejauh manakah kurikulum bagi kursus kenegaraan dapat memenuhi aspirasi dalam konteks Pelantar Anak Watan. Hal ini yang menarik untuk dibincangkan agar pembangunan kurikulum kursus kenegaraan tersebut lebih bersifat holistik dan komprehensif.


Sememangnya pembangunan kurikulum dilihat begitu penting dalam konteks pendidikan, khususnya dari segi pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga kursus kenegaraan, maka

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

pembangunan kurikulumnya perlu dapat memberikan pendedahan dan penghayatan kepada pelajar tentang proses pembinaan negara bangsa Malaysia. Proses pembinaan negara bangsa Malaysia tidak dapat dipisahkan dengan subjek sejarah yang memberikan perhatian untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Hal ini penting dengan harapan mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab, serta berperanan dalam menjamin kelestarian negara ini dalam mendepani isu-isu semasa sama ada peringkat nasional mahupun global (Othman, Yusoff, Awang & Jupiter, 2016b). Oleh itu, unsur pemahaman berkaitan dengan konsep Pelantar Anak Watan antara elemen penting yang perlu dijelaskan kepada pelajar apabila dikaitkan dengan sejarah pembinaan negara bangsa Malaysia. Bagi tujuan perbincangan selanjutnya, maka pelaksanaan kursus kenegaraan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dijadikan contoh huraian dalam melihat pembangunan kurikulum kursus kenegaraan ini dalam konteks Pelantar Anak Watan.

Di UMS, pelaksanaan kursus kenegaraan sememangnya terdapat banyak persamaan dengan IPT lain di Malaysia. Oleh kerana kursus ini merupakan arahan bersifat *top down* dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi kepada semua IPT. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa pula merupakan jabatan yang diberikan tanggungjawab untuk menawarkan kursus ini kepada pelajar UMS (Ibrahim, Ationg, & Esa, 2019). Secara umumnya, perkembangan kursus kenegaraan ini boleh dilihat secara evolusi seperti dalam Rajah 1. Berdasarkan Rajah 1, terdapat tiga peringkat perubahan penawaran kursus yang diperkenalkan secara kronologi mengikut tahun. Setiap kursus tersebut mempunyai persamaan, di samping perbezaan pendekatan dari segi kurikulum, serta kaedah pengajaran dan pembelajarannya.

**Rajah 1: Evolusi Kursus Teras Universiti (Kluster Kenegaraan Malaysia) di UMS**



Sumber: Esa, et al. (2021d). Evolusi Kursus Teras Universiti: Dari Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia Ke Penghayatan Etika Dan Peradaban. International Journal of Education, Psychology and Counselling 6 (39).

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

Dalam konteks pembangunan kurikulum, kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (SPBM), Hubungan Etnik (HE), serta Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) mengandungi elemen yang terdapat dalam konsep Pelantar Anak Watan. Hal ini jelas apabila dalam ketiga-tiga kursus ini membincangkan tentang perkembangan dan kedudukan peradaban Alam Melayu sebagai latar belakang topik perkuliahan. Hanya pendekatan terdapat perbezaan iaitu SPBM menggunakan kaedah disiplin sejarah dalam menghuraikan topik tersebut. Sementara kursus HE dan PEdP pula menggunakan kaedah disiplin sosiologi. Isunya pula pensyarah atau tenaga pengajar perlu memahami sepenuhnya topik tersebut, serta dapat menyampaikan secara bijaksana untuk menonjolkan Melayu Semenanjung, bumiputera Sabah dan Sarawak sebagai anak watan (Milne & Mauzy, 1978).. Mereka dianggap penduduk asasl negara ini dengan berpaksikan kepada rumpun Melayu. Begitu juga, peradaban di Alam Melayu perlu diketengahkan sebagai warisan sejarah anak watan yang dilihat begitu signifikan sebagai citra negara bangsa Malaysia.

Perihal elemen peradaban anak watan pula boleh dilihat dalam ketiga-tiga kurikulum kursus tersebut, terutamanya apabila membincangkan topik sejarah kemerdekaan dan proses pembentukan perlombagaan. Jika SPBM lebih memberikan keutamaan kepada peristiwa sejarah dan kronologi untuk membincangkan topik tersebut, manakala kursus HE dan PEdP pula melihat dalam konteks tematik dan sosiologi sosial. Topik perkuliahan yang digunakan untuk SPBM disusun mengikut peristiwa utama dalam sejarah iaitu Malayan Union, Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Proses Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (*Rangka Kursus Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia*, Semester 1, Sesi 2005/2006). Sementara kursus HE pula memilih topik, Perlombagaan Persekutuan: Tiang Seri Hubungan Etnik dan PEdP pula dengan tajuk, Perlombagaan Persekutuan mendasari Tapak Integrasi Wahana Etika dan Peradaban (*Struktur Kursus Pengajian Prasiswazah 2004-2005*, 2004). Apapun pendekatan yang digunakan mesej atau hasil pembelajaran hendaklah tercapai agar pelajar dapat menghayati erti kemerdekaan dan makna tersirat perlombagaan tersebut dalam konteks Pelantar Anak Watan. Elemen warisan peradaban dalam perlombagaan perlu dijelaskan secara hikmah seperti raja berperlombagaan, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Islam sebagai agama Persekutuan dan kedudukan hak istimewa orang Melayu/bumiputera. Semua elemen warisan anak watan ini menjadi identiti negara bangsa Malaysia sehingga menjadi penentu kepada kesejahteraan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya (Esa, Ationg, Othman, Jupiter, 2021c; Muslim, 2015; Hashim, 1994).

Sementara elemen kearifan lokal dalam konteks anak watan pula lebih bersifat tersirat dalam kurikulum ketiga-tiga kursus kenegaraan ini. SPBM lebih memberikan keutamaan kepada tema pembinaan negara bangsa Malaysia yang dilihat dari perspektif sejarah sebagai suatu pengetahuan (Esa, et al., 2021d). Sementara kursus HE dan PEdP pula memberikan penjelasan bagaimana untuk memahami dan menyelami masyarakat Malaysia dalam konteks hubungan kaum demi keamanan dan kesejahteraan negara (Dokumen MQA, 2017). Sekali lagi suatu cabaran dalam menjelaskan elemen kearifan lokal sebagai identiti negara bangsa Malaysia dalam kursus tersebut. Dalam konteks kurikulum PEdP sebagai ganti kepada kursus HE, topik kuliah iaitu, Etika dan Peradaban dalam konteks Masyarakat Kepelbagaian, serta Etika dan Peradaban sebagai Wahana Tanggungjawab Sosial boleh diketengahkan sebagai usaha untuk menjelaskan identiti bangsa Malaysia berdasarkan kearifan local (Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, 2019; Sansalu, Esa, Karulus & Mohd Tamring, 2015; Esa, Abang Muis, Mokhtar & Sharif Adam, 2021). Aktiviti pengkayaan boleh diterjemahkan untuk menghayati kearifan lokal

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**  
dalam pembelajaran seperti pesta pantun, permainan tradisi dan makanan tradisional sama ada Melayu Semenanjung mahupun bumiputera Sabah dan Sarawak.

Sebagai kursus teras universiti tentu mempunyai cabaran tersendiri dalam menjadikan kursus kenegaraan ini menjadi lebih bermakna kepada para pelajar sama ada di peringkat sijil, diploma mahupun ijazah. Di UMS, kursus HE pernah ditawarkan kepada pelajar Program Asasi Sains di bawah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi dan kemudianya digantikan dengan kursus Pengajian Malaysia. Walau bagaimanapun, kursus kenegaraan ini telah dimansuhkan pada tahun 2020 setelah ditawarkan sejak penubuhannya pada tahun 2010. Pada prinsipnya, Program Asasi Sains dikhatusukan kepada pelajar bumiputera sebagai memenuhi aspirasi penubuhannya (Kaedah Pengajian Program Asasi Sains Universiti Malaysia Sabah, 2021). Justeru, sekiranya dilihat dari perspektif Pelantar Anak Watan didapati kursus berbentuk sedemikian dilihat begitu penting untuk mengukuhkan jati diri pelajar apatah lagi mereka berstatus bumiputera. Kursus kenegaraan realitinya terdapat perbezaan dengan subjek sejarah yang dipelajari di alam persekolahan. Pemikiran aras tinggi amat dituntut dalam kursus kenegaraan sepertimana ditegaskan dalam *Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices- HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum* (2019). Mereka perlu diberikan pendedahan awal berkaitan dengan elemen konsep anak watan yang dilihat sebagai payung kepada pembinaan negara bangsa Malaysia. Justeru, tidak hairanlah sebahagian besar IPT lain masih terus memperkenalkan kursus kenegaraan dalam Program Asasi Sains masing-masing.

Perihal situasi semasa merupakan antara salah satu cabaran dalam usaha untuk menyampaikan secara holistic isu kandungan kurikulum kursus PEdP apabila pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat impak pandemik Covid-19. Di UMS, kursus PEdP ditawarkan kepada pelajar di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda pada ketika ini. Pada hakikatnya, penyampaian bukan sahaja setakat menyelesaikan kadungan kurikulum yang telah digariskan, tetapi juga bagaimana kursus tersebut dapat dihayati dan diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Hal ini juga yang dianggap sebagai suatu cabaran apabila pembelajaran dilakukan secara maya melalui atas talian dengan menggunakan platform seperti cisco webex, google meet dan sebagainya. Perhatian dan ketekunan semasa sesi pembelajaran dituntut apatah lagi apabila untuk menerangkan elemen konsep Pelantar Anak Watan yang dilihat memerlukan bukan sahaja pemahaman dalam kelas, tetapi memungkinkan aplikasi ilmu diterjemahkan dalam tugas sepantjang semester. Sesungguhnya, konsep Pelantar Anak Watan wajar diketengahkan dalam kurikulum kursus kenegaraan agar dapat melahirkan generasi yang berfikiran kritikal, di samping menjadi warganegara yang mulia.

## Kesimpulan

Pembangunan kurikulum kursus kenegaraan perlu diiringi bersama dengan konsep Pelantar Anak Watan. Konsep ini perlu dijelaskan secara sedar dan bertanggungjawab agar pelajar dapat menghayatinya secara yang lebih luhur demi keamanan negara. Etos nasional negara bangsa Malaysia perlu berpaksikan kepada citra anak watan. Anak Watan ini merujuk kepada orang Melayu Semenanjung, serta bumiputera Sabah dan Sarawak yang dimaklumi sebagai elemen penting dalam perlombagaan, Rukun Negara dan beberapa dasar yang berkaitan. Sebagaimana peribahasa, ‘bagai aur dengan tebing’ begitulah kursus kenegaraan dengan konsep Pelantar Anak Watan. Pada dasarnya, terdapat tiga elemen penting dalam konsep Pelantar Anak Watan iaitu Alam Melayu, peradaban dan kearifan lokal.

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

Dalam konteks kursus kenegaraan, UMS di antara IPT yang mengambil langkah pragmatik dengan menawarkannya kepada pelajar di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda. Pembangunan kurikulumnya mengikut sepertimana yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Secara prinsipnya, kursus kenegaraan yang pernah ditawarkan iaitu SPBM dan HE, dan kini diteruskan dengan PEEdP jelas mengandungi elemen dalam konsep Pelantar Anak Watan. Elemen dalam konsep ini perlu diuraikan dengan jelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, walaupun terdapat beberapa cabaran akibat pandemic Covid-19. Natijahnya, kursus kenegaraan yang mengambil kira elemen kewatanan boleh membantu untuk melahirkan generasi baru yang berfikiran kritikal dan rakyat Malaysia yang berhati mulia.

**Rujukan**

- Andaya B.W. & L.Y. Andaya. (1982). *A History of Malaysia*. London: McMillan Education UK.
- Abu Samah, A. & Jawan, A.J. eds. (1997). Kenegaraan Malaysia. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020). Menyingkap polemik peralihan kuasa secara luar biasa mengikut perspektif demokrasi berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.
- Ationg, R. (2018). Federal Political Elites and the Expansion of Ethnic Politics to the Periphery State of Sabah in Malaysia. The Australian National University, Canberra, Australia.
- Aziz, B. (2008). Perlembagaan Malaysia: Teori & Praktis. Shah Alam, Selangor: Arah Publication.*Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices- HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum*. (2019). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Carr, E.H. (1962). What is History? New York: Alfred A. Knopf.
- Collingwood, R.G. (1993). The Idea of History. Oxford University Press.
- Daud, M.Z. (2005). *Pelan Integriti Nasional: Strategi Pelaksanaan Peringkat Institsui Pengajian Tinggi Malaysia*. Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Dokumen MQA. (2017). Kursus Hubungan Etnik, Sesi 2017-2018.
- Esa, M.S., Sansalu D. & Tamring, B.A.M. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Esa, M.S., Muis, A.M.R.A, Ationg, R., Othman, I.W., Lukin@Lokin, A.A., Mokhtar, S. & Sharif Adam, S.D. (2021a). Keberkesanan Pengajaran dan pembelajaran dalam Talian bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian kes di kalangan pelajar prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6 (23 April), 57-67.
- Esa, M. S., Othman, I. W., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Adam, S. D. S., Hamid, J. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2021b). Demokratisasi Suruhanjaya Reid: Dampak Signifikan Kepimpinan Parti Perikatan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 157-170.
- Esa, M.S., Ationg, A., Othman, I.W., Jupiter, H. (2021c). Isu dan cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di ambang kemerdekaan Tanah Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 111-125.
- Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Ramli, H. A., & Abang Muis, A. M. R. (2021d). Evolusi Kursus Teras Universiti: Dari Sejarah

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

Pembentukan Bangsa Malaysia Ke Penghayatan Etika Dan Peradaban. International Journal of Education, Psychology and Counselling 6 (39), 166-181.

Esa, M.S., Abang Muis, A.M.R., Mokhtar, S. & Sharif Adam, S.D. (2021). Buku Aktiviti Penghayatan Etika dan Peradaban. Kuala Lumpur: Freemind Horizon.

Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua. (2016). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Hashim, M.S. (1994). *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim, M.A., Ationg, R. & Esa, M.S. (2019). Pentadbiran dan Kepimpinan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa di Kampus Antarabangsa Labuan. Dalam Rosmah Derak, Andreas Totu, Jualang Azlan Gansau, Mohd Sohaimi Esa dan Siti Aidah Hj. Lukin@Lokin. 25 Tahun PPIB: Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Kaedah Pengajian Program Asasi Sains Universiti Malaysia Sabah. (2021). Diakses dari <https://www.ums.edu.my/ppstv2/index.php/ms/akademik/kaedah-pengajian>

Kamus Dewan. (2004). Kuala Lumpur: Penerbit DBP.Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Pelan Pembangunan Pelajaran 2000-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. (2019). Pelaksanaan Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi. 15 Ogos. Surat JPT (BKA)1000/011/04 (9).

Kreiger, L. (1977). Ranke: The Meaning of History. Chicago: University of Chicago Press. Malaya Merdeka. 1956.

Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mohd Jalil, N., Redzuan, M., Abu Samah, A. & Mohd Rashid, I. (2004). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*. Edisi Kedua. PetalingJaya: Prentice Hill.

Milne, R.S. & Mauzy, D.K. (1978). *Politics and Government in Malaysia*. Vancouver: Milne, University of British Columbia Press.

Mohd Rasdi, M.T. (2021). Ubah subjek Pengajian Malaysia. *Sinar Harian*. 22 November. Diakses pada 21 November 2021 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/42481/KOLUMNIS/Ubah-subjek-Pengajian-Malaysia>

Muslim. N. (2015). *Islam dan Melayu: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ng Ming Yip & Burhanuddin, I.H. (2017). Mata Pelajaran Umum (MPU) Peneraju Transformasi Pendidikan Holistik. National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017). RHR Hotel, 23 Ogos.

Nordin M. & Hussin, H. (2014). *Pengajian Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar. Othman, I. W., Yusoff, M. S., Awang. H., & Jupiter, H. (2016a). Dinamisme Pendidikan Tinggi: Pembinaan Modal Insan Antarabangsa. Journal of Education and Social Sciences. 5(2):339-345.

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Awang. H., & Jupiter, H. (2016a). Mengantarabangsakan Pendidikan Tinggi: Universiti dan Kewarganegaraan Global. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship. 3(5):107–118.

**Special Issue: Foundation Program Education Post-Covid-19: Issues and Opportunities**

- Othman. I.W. (2019a). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Othman, I. W. (2021b). Shifting the National Higher Education Landscape in Facing Current Challenges and Marketability Strategies of Covid-19 Pandemic Era Graduates. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (25), 139-156.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Jupiter, H., & Mokhtar, S. (2021c). Pembudayaan Konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa”: Refleksi Identiti Kebangsaan Ke Arah Sinergi Solidariti Dan Harmonisasi Rakyat Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 55-75.
- Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Abang Muis, A. M. R. (2021). Signifikansi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (Worldview): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 85-103.
- Rangka Kursus Sejarah Pembentukan Nasion Malaysia*, Semester 1, Sesi 2005/2006. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Razak, M. R. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah Dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jebat* 36, 90-106.
- Sansalu, D., Esa, M.S. Karulus, Y. & Mohd Tamring, B.A. (2015). *Eksplorasi Hubungan Etnik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.
- Sinar Harian (2018). Isu Pindah Kuil: Selisih faham punca pergaduhan. Diakses pada Mei 19, 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/968/EDISI/Selangor-KL/Isu-pindah-kuil-Selisih-faham-punca-gaduh>
- Sugiyono. (2009). Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D. Bandung: Alfabeta Arikunto.
- Struktur Kursus Pengajian Prasiswazah 2004-2005*. (2004). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Zainal Kling. (1985). Kesedaran Nilai Budaya Nasional: Alternatif Polarisasi Etnik. Konvensyen Kebudayaan dan Identiti Nasional. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.